

# Mahathir: Etika Khidmat Cemerlang dari peringkat atas

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan supaya Etika Perkhidmatan Cemerlang diamalkan dari peringkat atas.

Arahan ini dikeluarkan dalam pertemuan dua jam dengan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian di Bilik Persidangan Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Turut hadir ialah Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad yang diberi tugas khusus membantu Perdana Menteri mengenai perjalanan pentadbiran Kerajaan.

## Amanat

Selain Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, mereka yang mendengar amanat Datuk Seri Dr. Mahathir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Tan Sri Ishak Pateh Akhir.

Pertemuan pagi ini adalah yang kedua penting selepas Perdana Menteri berbincang dengan Menteri-menteri Kabinet di tempat yang sama semalam.

Ketika mem-pengerusikan sidang Kabinet pertama semalam, Perdana Menteri mengumumkan penyusunan semula Majlis Tindakan Negara di samping menghidupkan kembali Majlis Ekonomi Negara.

Perdana Menteri juga memberi tempoh setahun kepada Menteri-menteri Kabinet untuk menunjukkan hasil pendekatan cara baru mereka bagi mencapai berbagai-bagai matalamat dan pelaksanaan rancangan yang disusun.

Seorang jurucakap Jabatan Perdana Menteri memberitahu hari ini, Perdana Menteri menerangkan kepada Ketua-ketua Setiausaha Kementerian cara pendekatannya tentang tugas dan bentuk serta hasil yang diharapkan dari mereka.

## Pendekatan

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menekankan pentingnya Etika Perkhidmatan Cemerlang diamalkan dari peringkat atas untuk dicontohi oleh kakitangan di bawah.

Menurut jurucakap itu lagi, Perdana Menteri meminta setiap masalah di sesuatu Kementerian diatasi segera di samping mengesan cara-cara baru untuk meningkatkan prestasi masing-masing menjalankan tugas khususnya yang ada kaitan dengan pembangunan negara.

Katanya, Ketua-ketua Setiausaha diminta bertugas dengan penuh dedikasi dan berbangga dengan tugas yang mereka lakukan untuk faedah negara dan rakyat.

Inilah pertama kali beliau menemui pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri, minggu lalu.

Jurucakap itu menjelaskan, Perdana Menteri dijangka mengadakan banyak lagi pertemuan dengan Ketua-ketua Setiausaha, baik secara perseorangan atau berkumpul untuk meninjau masalah dan pembangunan negara.